



Islamisasi Ilmu dan Pendidikan

Sidek Baba

Profesor Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Islamisasi merupakan proses yang tidak berlaku secara mengejut dan tergesa-gesa, tetapi dilakukan dengan persiapan kefahaman dan kemampuan berbanding dari sudut ilmu. Islamisasi boleh berlaku dalam semua dimensi kehidupan terkini seperti ilmu dan pendidikan, sosial, ekonomi, perundangan, sains dan teknologi. Hal ini berlaku melalui perancangan yang teliti dan rapi supaya kekeliruan tidak berlaku. Kunci kepada Islamisasi ialah perubahan yang terjadi dalam pelbagai sektor, dan menawarkan kehidupan yang lebih terarah, tertib dan teratur berasaskan nilai murni yang sifatnya menyantuni.



Islamisasi ilmu dan pendidikan bermaksud menyasarkan ilmu dan pendidikan dengan etika dan nilai Qurani supaya sifatnya tidak bercanggah. Antara misi dan visi Islamisasi termasuklah proses penitipan pandangan semesta (tasawur) Islam ke dalam tubuh ilmu supaya ilmu dan pendidikan berada dalam fitrah. Hal ini menjadi landasan kepada maksud *rahmah alamiah* terhadap makhluk dan alam kehidupan.

Islam ialah agama yang mengandungi nilai ihsan untuk kebaikan manusia. Jika hal ini menjadi panduan dan rujukan kepada manusia, maka akan mendatangkan kesejahteraan. Berlaku adil sesama manusia adalah pancaran daripada etika Islam. Menyatakan perkara yang benar itu benar merupakan anjuran Islam. Bersikap amanah terhadap diri, keluarga dan masyarakat adalah prinsip yang dipedomankan oleh Islam. Bersikap jujur terhadap sesuatu perkara dan sesama manusia adalah inti kepada amalan Islam. Jika nilai murni dalam amalan ini tidak ada dalam kehidupan manusia, maka akan berlaku keadaan ketidakpastian dan pancaroba.

Manusia akan menjadi rakus didorong oleh hawa nafsu dan kehendak yang tidak terbatas, lalu watak haiwani mudah terlihat. Islam ingin menjadikan manusia lebih manusiawi supaya kehidupan sesama insan dalam kerangka hormat-menghormati, sedia menyuburkan titik persamaan, dan bertolak ansur terhadap faktor perbezaan dan kelainan.

Maksud utama Islamisasi adalah untuk menjadikan etika dan nilai murni sebahagian daripada kehidupan manusia supaya wujud iklim kehidupan yang fitrah. Hal ini bersumber daripada ilmu dan pendidikan. Ilmu dan pendidikan merupakan proses membentuk manusia. Jika manusia dipupuk dan dibentuk daripada acuan yang fitrah, maka bakal wujud kesedaran bahawa kebaikan sesuatu perkara menjadi matlamat utama kehidupan. Inilah falsafah atau hala tuju Islamisasi terhadap sektor yang pelbagai supaya semuanya berada dalam acuan yang serasi.

Islam memiliki saranan ke arah hidup yang berasaskan petunjuk dan pedoman. Hal yang mungkar bercanggah dengan jalur kehidupan yang fitrah. Proses *li ta'arafu* yang terungkap dalam *Surah al-Hujurat* ayat ke-13 menyatakan dengan jelas tentang pentingnya proses kenal-mengenal antara pasangan dan kepelbagaian bangsa supaya titik persamaan dikongsi dan kelainan didekati dengan jiwa ketakwaan yang tinggi. Lantaran yang

“Sebelum Islamisasi terjadi kepada pelbagai sektor, ilmu dan pendidikan menjadi kunci utamanya. Ilmu konvensional memerlukan proses integrasi supaya etika dan nilai dijadikan landasan.”

terbaik dalam kalangan mereka ialah manusia yang mempunyai jiwa takwa (*muttaqin*).

Jiwa *muttaqin* ialah pedoman Ilahiah yang dimiliki oleh umat Islam sebagai landasan dalam berfikir, membangunkan niat dan melakukan amal. Hal ini merupakan ukuran terbaik terhadap seseorang insan. Memiliki kualiti ini tidak mudah. Pancaran jiwa *muttaqin* menjadikan seseorang manusia tahu batas makruf dan mungkar, halal dan haram, baik dan buruk, dosa dan pahala, serta salah dan benar. Hal ini amat penting bagi kehidupan manusia supaya kehidupan menjadi terarah dan terpedoman.

Sebelum Islamisasi terjadi kepada pelbagai sektor, ilmu dan pendidikan menjadi kunci utamanya. Ilmu konvensional memerlukan proses integrasi supaya etika dan nilai dijadikan landasan. Landasan ini amat perlu supaya ilmu menjadi holistik bukan sahaja daripada hasil pemikiran, tetapi juga didukung oleh etika dan nilainya. Sementara Islamisasi ilmu dan pendidikan bertitik tolak daripada epistemologinya (teori ilmu) supaya hal tersebut bukan sahaja rasional, tetapi terkandung etika dan nilai yang memandu kehidupan manusia dan kebaikan sistem.

Ilmu mengenai matematik bukan hanya suatu kemahiran memanipulasi angka, teorem dan formula secara akliah supaya kemahiran mengira dimiliki untuk keperluan kerja, tetapi secara naqliahnya dihubungkan sebagai faktor hisab, *hasabah* dan muhasabah seperti yang terungkap dalam al-Quran. Faktor hisab bukan sahaja menghubungkan manusia dengan Pencipta supaya rasa tanggungjawab wujud dan pengurusan diri dan sistem berlaku dengan adil dan amanah. Faktor muhasabah mendidik manusia menilai diri



dan bersifat pertanggungjawaban supaya apa-apa sahaja yang difikirkan, dicakapkan dan dibuat sentiasa terhubung kait dengan Allah. Hal ini menjadikan ilmu hisab bukan sahaja memberikan kemahiran mengurus angka dalam perniagaan, sistem bank dan institusi kewangan, tetapi berlandaskan syariat lambang hubungan manusia dengan Pencipta.

Ilmu sains mengkaji tentang wujudnya sesuatu fenomena. Kewujudan makhluk, alam, lautan, gunung-ganang, sejuk dan panas terkandung hikmah bagi mereka yang berfikir. Jika sains dilihat mempunyai hikmah yang besar kepada kehidupan, maka hal tersebut akan menjadi asas penting yang membolehkan manusia bertanya hikmah di balik sesuatu ciptaan, bukan hanya secara empiris dihubungkan sebagai semula jadi, berlaku secara kebetulan, tetapi adalah kudrat Allah yang mempunyai kuasa *sunnatullah* yang tidak ada pada manusia.

Teknologi pula ialah produk daripada sains. Dalam tradisi Islam, sains dan teknologi selamanya alat, bukannya matlamat. Alat bagi teknologi bergantung pada nilai guna. Jika nilai guna berasaskan etika dan nilai, maka akan wujud kawalan diri kerana salah guna boleh menyebabkan akibat buruk. Kawalan yang bersifat disiplin dalam penggunaan menyebabkan kegunaan alat menjadi teratur dan tertib mengikut fungsinya. Fungsi komputer sebagai perkakasan adalah baik. Sekiranya kandungan, input

dan perisiannya dibangunkan berasaskan etika dan nilai, komputer akan memberikan kesan guna yang hebat kepada pengguna.

Geografi pula ialah ilmu mengenai alam, gunung-ganang, lautan, tanah-tanah, dan sebagainya. Geografi tidak hanya mengkaji fenomena alam, tetapi terhubung dengan maksud sesuatu itu diciptakan. Gunung-ganang umpamanya bukan sekadar kawasan tinggi, terbina dengan batu-batan yang pelbagai, tetapi dari sudut kejadian yang terhubung dengan Pencipta, gunung ialah pasak bumi. Hal ini ada kaitan dengan faktor gempa bumi dan tsunami yang terjadi.

Air secara kajian saintifik terhubung dengan faktor oksigen dan hidrogen (H₂O), dan sangat penting kepada manusia, haiwan dan tumbuhan. Tanpa air, manusia, makhluk dan tumbuhan akan mati. Al-Quran sebagai ilmu naqlih menyatakan dengan jelas bahawa air diciptakan untuk kepentingan manusia dan lain-lain. Jika dihubungkan secara saintifik faktor air dengan kejadian daripada Allah SWT, maka persoalan mengapa air diciptakan akan terjawab. Dengan pendekatan saintifik semata-mata, jawapan terhadap air sangat terbatas. Akan tetapi, apabila dihubungkan hikmah di balik penciptaan air ternyata jawabannya lengkap dan sempurna.

Hal yang sama secara akidah jika dibandingkan dengan upaya manusia mengatur lebuhraya untuk



dilalui oleh kendaraan yang berbagai-bagai jenis. Lebu raya diturap dengan baik dan terdapat peraturan tentang had laju, dan lain-lain. Namun begitu, masih berlaku kemalangan dan kesesakan. Hingga kini manusia masih gagal mengawal tabiat ketika berada di jalan raya. Akan tetapi, jika dilihat di angkasa lepas pada waktu malam, cakerawala seperti bintang dan galaksi yang jumlahnya berbilion dan bergerak dengan kelajuan yang lebih laju daripada *supersonic* di bumi, tidak ada kemalangan, pelanggaran dan kesesakan kalau tidak dengan takdir-Nya. Faktor *sunnatullah* sangat penting. Pengurusan alam, langit dan bumi berada di bawah kekuasaan-Nya. Sedangkan keupayaan manusia amat lemah dan terbatas.

Dalam ilmu sejarah pula, ilmu ini bukan sahaja merakamkan tentang tokoh, tempat dan peristiwa, tetapi mengandungi faktor *ibrah* atau teladan kerana sifat sejarah yang mengulangi. Dalam al-Quran terdapat satu surah yang bernama *al-Qasas*, iaitu mengisahkan kisah silam yang berlaku terhadap para rasul ketika mendepani gelagat manusia. Antaranya dikisahkan tentang Nabi Musa menghadapi karenah Firaun yang mengangap dirinya sebagai tuhan. Dirakamkan juga kisah Qarun dan hubung kait dengan harta. Kisah lalu yang menjadi urutan sejarah berulang balik pada masa ini dan akan berulang balik pada masa depan lantaran manusia tidak beriman kepada Pencipta.

Faktor naqliah (wahyu) ini amat penting untuk dijadikan *ibrah*, petunjuk dan pedoman agar perkara yang berlaku pada masa yang lalu tidak diulangi supaya musibah tidak terjadi dan bencana tidak berulang. Manusia akan terus diuji dengan kesenangan dan kepayahan supaya rasa syukur dan sabar sentiasa dijadikan landasan untuk melakukan keadilan, bukannya kezaliman. Adil bermakna meletakkan sesuatu pada tempatnya. Keinginan menjadi pemimpin pada semua peringkat memerlukan imej contoh kerana pemimpin merupakan sumber teladan pengikut. Kalau pemimpin melakukan kezaliman terhadap dirinya dan orang lain, maka musibah bakal terjadi.

Islam mengandungi nilai yang bersifat sejagat, dan merentasi kaum dan warna kulit kerana kesejagatan nilainya merupakan sesuatu yang fitrah dan diperlukan oleh manusia. Sifat amanah dan adil menjadi tuntutan manusia, tetapi manusia melakukan kezaliman dan pecah amanah. Setiap

insan memerlukan ketenangan jiwa dan keikhlasan hati, tetapi tanpa pedoman nilai murni dalam hidup, manusia cenderung memilih jalan yang penuh pancaroba dan perlakuan yang tidak jujur sehingga menyebabkan kehidupan menjadi porak-peranda. Pedoman dalam Islam sentiasa mengajak manusia memiliki jiwa ihsan supaya kehidupan berjalan dengan teratur dan tertib, serta melahirkan jiwa beradab. Meskipun akidah tidak sama, tetapi nilai dan etika yang universal harus menjadi pedoman supaya kehidupan mempunyai jiwa kesalingan yang tinggi dan kecintaan terhadap etika dan nilai murni sentiasa dijadikan pedoman kehidupan.

Ilmu dan pendidikan sama ada di rumah, di sekolah atau institusi pendidikan yang lain, baik formal dan tidak formal, menjadi asas untuk membentuk watak manusia. Pendidikan bukan sekadar suatu proses untuk mendapatkan maklumat, ilmu dan keterampilan bagi tujuan kehidupan, tetapi yang lebih penting gelagat dan tabiat kerana tanpa etika dan nilai murni, salah guna boleh terjadi, malah rasa tidak bersalah dan berdosa boleh berlaku. Kesannya, perkara yang makruf tidak berlaku, sebaliknya kesukaan terhadap perkara mungkar semakin menjadi-jadi.

Oleh itu, Islamisasi ilmu dan pendidikan yang bersifat integratif amat penting kerana proses pembentukan tasawur atau pandangan semesta bermula daripada jenis ilmu yang diajarkan. Sekiranya ilmu yang sekular dan corak hidup yang liberal terjadi pancang, maka pedoman akan tercabut. Faktor duniawi, dorongan nafsu, pertimbangan kebendaan akan menjadi lebih utama daripada pertimbangan etika dan nilai. Pertimbangan etika dan nilai yang sifatnya duniawi dan ukhrawi wujud dalam agama terutama Islam itu sendiri.

Pada hakikatnya, Islamisasi ilmu dan pendidikan ingin menjadikan para pelajar memiliki tapak nilai (*value-laden*) dan bukannya bebas nilai (*value-free*), supaya pemikiran, niat dan amal bertaut menatijahkan pekerti mulia dan memberikan kesan baik kepada manusia lain. Jika hal ini terjadi, manusia akan lebih terarah kehidupannya. Al-Quran dalam *surah al-Kafirun*, ayat 6 memberikan pedoman melalui firman-Nya yang bermaksud, "Bagi kamu agama kamu dan bagi kami agama kami". Ruh Sahifah Madinah memberikan kita pedoman mengenai persamaan dan perbezaan. Hal inilah menjadi landasan tegaknya tamadun Andalusia selama 800 tahun bersumberkan etika Qurani dan nilai yang Islami. DTI